

# 14

## Zakat Harta atau Zakat Maliah

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةٌ تُنَجِّي قَائِلَهَا مِنْ  
عَذَابِ النَّارِ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

### Sidang Jumaat Yang Sama-Sama Berbahagia...

Terlebih dahulu khatib berwasiat kepada diri sendiri dan kaum muslimin sekalian agar sama-sama meningkatkan ketaqwaan

kepada Allah s.w.t dengan melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya. Allah berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ  
مُسْلِمُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam.”

( QS Ali-Imran(3):102 )

### **Kaum Muslimin Yang Dirahmati Allah Sekalian...**

Dalam kesempatan kali ini, mimbar Jumaat akan membawa khutbah bertajuk “**ZAKAT HARTA ATAU ZAKAT MALIAH.**”

Mengikut Syarak, zakat ialah nama bagi sebahagian dari harta benda yang dikeluarkan atas perintah Allah kepada amil yang ditauliahkan, sebagai sedekah wajib untuk diagihkan kepada golongan yang ditetapkan menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh syarak. Para ulama juga mengkategorikan zakat maliah atau zakat harta kepada penjenisan berikut:

- Emas dan Perak
- Wang Simpanan dan Saham
- Barang Perniagaan
- Binatang Ternakan
- Tanaman atau Biji-bijian
- Galian dan Harta Karun (ma’adin, kunuz dan rikaz)
- Pendapatan dan pendapatan daripada pengajian

Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
 خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ  
 صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: “Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk), dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka, dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, Lagi Maha Mengetahui.”

( QS al-Taubah (9):103 )

Dalam ayat yang lain Allah berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
 يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا  
 أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ ط وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ  
 بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ ؕ وَعَلَّمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿٢٦٧﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian

zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. dan ketahuilah, Sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.”

( QS al-Baqarah (2):267 )

### **Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia...**

Adalah menjadi kewajipan bagi tiap-tiap orang Islam yang memiliki harta kekayaan dan diberikan rezeki yang luas mengeluarkan zakat daripada harta kekayaan yang mereka miliki sebaik saja memenuhi syarat-syarat berikut:

Iaitu : Islam, harta itu adalah milik penuh dan bebas digunakannya, cukup nisab dan cukup haul.

Mudah-mudahan dengan menghayati dan melaksanakan ibadah zakat ini harta atau kekayaan yang kita miliki secara halal hasil titik peluh dan penat lelah kita selama ini akan mendapat keberkatan daripada Allah. Malah, akan diperluaskan-Nya lagi rezeki kita dan dilipatgandakan pula pahala kita justeru menyelamatkan kita dari seksaan api neraka yang amat perit di akhirat kelak. Allah berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
 مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ  
 سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ  
 وَاسِعٌ عَلِيمٌ





Maksudnya: “*Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah (berzakat), ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji, dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya.*”

(QS al-Baqarah (2):261)

Dalam pada itu Muzakarah kali ke 76 Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bertarikh 21 November 2006 telah memutuskan bahawa mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah (amil yang ditauliahkan) adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau *Ulil Amri* dalam perkara kebaikan adalah wajib.

Ini sejajar dengan Enakmen Zakat Dan Fitrah Negeri Sabah Tahun 1993 Seksyen 61 (kurungan satu) yang memperuntukkan:

- a) Mana-mana orang dengan sengaja enggan membayar zakat atau fitrah yang bertanggung ke atasnya untuk membayar, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan hukuman dengan tidak melebihi empat ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.
- b) Mahkamah (Mahkamah Syariah), boleh memerintah supaya zakat dan fitrah itu dijelaskan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Manakala Seksyen 67 (kurungan satu), menegaskan mana-mana orang yang sebagai tidak dibenarkan Enakmen ini untuk

berbuat sedemikian (yakni *Pemungutan Zakat Tak Berkebenaran*) atau cuba memungut Zakat atau Penalti di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنْفِقُوا مِنْ مَا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ  
لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Dan belanjakanlah (keluarkanlah zakat) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: “Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat berzakat dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh.”

( QS al-Munafiqun (63) : 10 )

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.